

Headline	Pembalakan, buka ladang punca belia Orang Asli hijrah ke bandar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Sep 2023	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	31
ArticleSize	449 cm ²	Journalist	AIMUNI TUAN LAH
PR Value	RM 55,080		



Pembalakan, buka ladang punca belia Orang Asli hijrah ke bandar

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamallia.com.my


GUA MUSANG: Pembalakan dan pembukaan ladang didakwa menjadi punca ramai golongan belia Orang Asli di Pos Tohoh di sini, membuat keputusan berhijrah ke kawasan bandar bagi mencari pekerjaan dalam meneruskan kelangsungan hidup.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Jawatan Kuasa Pembangunan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) Pos Tohoh, Jenny Adik, 35, mendakwa, situasi itu menyebabkan golongan belia berdepan kesukaran mencari rotan dan hasil hutan.

Katanya, dianggarkan lebih 50 belia berhijrah bekerja di kawasan luar dalam tempoh setahun.

"Kami berharap kerajaan membantu mewujudkan peluang pekerjaan kepada Orang Asli terutama golongan belia yang baru tamat persekolahan," katanya ketika di sini, semalam.

Dalam pada itu, seorang belia Orang Asli Pos Tohoh, Remy Ali,



BELIA Orang Asli di Pos Tohoh, Gua Musang. Kelantan berharap banyak peluang pekerjaan disediakan kepada mereka. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

36, berkata, lebih enam bulan dia berhijrah ke Shah Alam, Selangor untuk mencari rezeki dan bekerja sebagai operator kilang

bagi menampung keperluan keluarga.

"Peluang pekerjaan di kampung ini memang susah. Dahulu

ramai yang bekerja menoreh getah, namun kini semakin susah kerana harga getah yang rendah.

"Ramai anak muda yang ke-

luar mencari kerja di luar kawasan seperti di Selangor dan Kuala Lumpur kerana kami boleh menjana pendapatan lebih RM1,500 sebulan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Mohd. Nizam Zainal, 27, berkata, kebanyakan masyarakat Orang Asli di kawasan itu masih hidup mundur kerana tiada punca pendapatan tetap.

Katanya, penduduk Orang Asli mengharapkan upah buat kerja kampung secara harian atau mingguan dan selepas itu hidup dalam kesusahan apabila wang belanja habis.

"Saya mengakui memang ada masyarakat kami bekerja di kawasan ladang tetapi bilangannya amat kecil dan diberi upah pula dengan kadar yang tidak setimpal dengan pekerjaan.

"Kami berharap pihak kerajaan membantu mewujudkan peluang pekerjaan selepas kami berpindah ke penempatan baharu di Kampung Kuala Yai kerana Pos Tohoh terlibat dengan Projek Hidroelektrik Nenggiri," katanya.